



Siri Terjun Dunia FINA

Pandeleta-Jun Hoong hadiah gangsa

Kuala Lumpur:

Gandingan Pandeleta Rinong-Cheong Jun Hoong (kanan) terus menyinar apabila menghadiahkan gangsa acara 10 meter platform seirama di pusingan kedua Siri Terjun Dunia FINA di Guangzhou, China, semalam.

Bagaimanapun pasangan Korea Utara Kim Kuk-hyang-Kim Mi-rae tampil sebagai pencabar baru apabila meraih perak manakala pasangan China Ren Qian-Chang Yani meraih emas.

Hakikat berkenaan diakui ketua jurulatih negara Yang Zhuliang yang tidak memandang ringan pasangan Korea Utara yang meraih tempat keempat di Olimpik Rio tahun lalu.

“Pasangan Korea Utara mempamerkan terjunan terakhir yang cemerlang untuk mengatasi kita. Mereka bakal menjadi ancaman pada

kejohanan akan datang.

“Bagaimanapun saya gembira dengan persembahan dua penerjun ini. Persembahan mereka lebih kemas berbanding pusingan pertama ketika memenangi perak di Beijing minggu lalu,” jelas Zhuliang.

China terlalu unggul apabila mengumpul 347.82 mata bagi meraih emas

kedua selepas siri pertama di Beijing.

Selepas bersaing sengit,

Kuk-hyang-Mi-rae

memastikan perak dengan

meraih 83.52 mata pada

terjunan kelima untuk

mengumpul keseluruhan 339.72 mata.

Pandeleta-Jun Hoong pula sekadar meraih 77.76 mata

pada terjunan kelima dan

terpaksa akur dengan

gangsa apabila

mengumpul 332.46 mata.

Hasrat Nur Dhabitah

Sabri-Wendy Ng untuk

turut menaiki podium tidak

kesampaian apabila

menduduki tempat

keempat acara 3 meter

terjun seirama.



PANDELELA